



Headline	UPSI dan Mimos lancar projek profil psikometri		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	25 Sep 2013	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	E9	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	139 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 316
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,264



UPSI dan Mimos lancar projek profil psikometri

KUALA LUMPUR, Selasa — Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melancarkan UPSI Psikometri, projek dibangunkan secara kerjasama dengan Mimos Bhd., yang akan digunakan oleh kakitangan akademik dan pelajar.

"Kerjasama strategik ini antara UPSI dan Mimos berjaya menggabungkan kedua-dua kepakaran dan teknologi institusi masing-mas-

ing untuk membangunkan bersama empat instrumen yang boleh digunakan bagi memaksimumkan potensi manusia ke arah kecemerlangan pendidikan," kata Mimos dalam satu kenyataan hari ini.

Pusat penyelidikan dan pembangunan negara dalam teknologi komunikasi dan maklumat itu berkata Kluster Psikometri adalah suatu yang penting dan ia sedang

memperkenalkan dan mempraktikkannya di Malaysia.

Menurut Mimos, ia mempunyai kepakaran dalam asas dan aplikasi teori dan teknik psikometri bagi pendidikan serta ujian psikologi di Malaysia.

"Profil Psikometri ini akan meningkatkan usaha mengambil keputusan dalam pemilihan pelajar dengan mengukur secara sistematik keupayaan mereka serta

menilai penguasaan kakitangan universiti.

"Sudah sampai masanya bagi Malaysia menggunakan pakai pendekatan teratur dan objektif seperti ini yang akan memberi manfaat bukan sahaja kepada universiti tetapi masyarakat bagi tempoh jangka panjang," kata Ketua Kluster Psikometri Mimos, Dr. Haniza Yon.

— Bernama